



SIARAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

Program TUBE Diteruskan Untuk Latih Belia Jadi Usahawan

Sintok, Kedah, 10 November 2019 – 513 belia termasuk 29 peserta Orang Kelainan Upaya (OKU) telah terpilih menyertai Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) 6.0, 2019 dan mengikuti latihan di enam (6) pusat latihan dan kem di seluruh negara. Majlis perasmian Program TUBE 6.0, 2019 peringkat kebangsaan pada hari ini, telah disempurnakan oleh YB Datuk Wira Dr. Mohd Hatta Md Ramli, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan di Kem Sintok, Universiti Utara Malaysia (UUM).

Kesemua peserta terpilih akan melalui 3 fasa bagi mempersiapkan diri untuk memulakan perniagaan agar mempunyai daya tahan dari segi mental dan fizikal. Peserta juga didedahkan dengan lanskap dan cabaran dunia perniagaan yang sebenar. Setelah menamatkan latihan kelak, perniagaan yang dibangunkan para peserta ini akan dibimbing dan dipantau selama 12 bulan menerusi sistem *buddy* oleh kaunselor perniagaan SME Corp. Malaysia.

Menurut YB Datuk Wira Dr Mohd Hatta Ramli, “Sehingga kini, sejumlah 4,422 belia Bumiputera telah dilatih di mana 4,380 iaitu 99% daripada belia Bumiputera yang dilatih telah memulakan operasi perniagaan mereka dalam pelbagai bidang perniagaan. Program TUBE juga telah mencatatkan jualan terkumpul berjumlah RM107.3 juta dan mewujudkan 9,955 peluang pekerjaan baharu termasuklah untuk peserta program TUBE itu sendiri”. Tambah beliau lagi, “Penyertaan peserta OKU dalam Program TUBE merupakan antara inisiatif Kerajaan bertujuan membantu meningkatkan kapasiti dan ekonomi golongan OKU dalam menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara. Para peserta telah didedahkan dengan pelbagai modul latihan seperti Literasi Komputer, Kanvas Model Perniagaan, Pemasaran Digital dan Pengurusan Kewangan Perniagaan”.

Program TUBE mendapat sokongan dan usahasama strategik daripada lebih 30 rakan strategik di peringkat Persekutuan dan Negeri antaranya Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF), Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), SME Bank, Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), dan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). Program TUBE juga turut menerima tajaan daripada Maybank Islamic Berhad, SME Bank, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) dan TM unifi.

Pada tahun ini juga, konsep Program TUBE turut dilaksanakan untuk Program Tunas Usahawan Baitulmal (TUB) dengan kerjasama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Melalui Program ini, usahawan di bawah bimbingan MAIWP diharapkan dapat mengembangkan perniagaan dan membolehkan mereka menjadi pengeluar zakat dengan pendedahan terhadap modul keusahawanan, perkongsian maklumat serta khidmat nasihat dan bimbingan perniagaan. Program ini merupakan Program Rintis yang mensasarkan 100 peserta dari usahawan Baitulmal untuk dibimbing dalam bidang keusahawanan dan perniagaan.

Turut hadir pada Majlis Perasmian ialah YB En. Mohd Asmirul Anuar Aris, Exco Pembangunan Usahawan, Belia & Sukan, Pelancongan Seni & Budaya Negeri Kedah; YBhg. Dato' Haji Abdul Halim Hussain, Exco Kerajaan Negeri Pulau Pinang; YBhg. Prof. Madya Dr. Hendrik Lamsali, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, UUM dan Encik Noor Azmi Mat Said, Ketua Pegawai Eksekutif, SME Corp. Malaysia.

- TAMAT -

Untuk maklumat lanjut, sila berhubung dengan Puan Norliza Mokhtar di talian 03-2775 6175 atau emel – norliza@smecorp.gov.my atau Puan Amira Haryany Mohd Amry di talian 03-2775 6177 atau emel – amiraharyany@smecorp.gov.my

**PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA
(SME CORP. MALAYSIA)**

Aras 6, SME 1, Blok B, Platinum Sentral,
Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral,
50470 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel : 1300-30-6000
Fax : 603-2775 6001
E-mail : info@smecorp.gov.my
Website : www.smecorp.gov.my

SME Corp. Malaysia

-
SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) yang menyelaras pelaksanaan Program Pembangunan PKS anjuran semua Kementerian dan agensi yang berkaitan. Ia bertindak sebagai pusat rujukan setempat bagi penyelidikan dan penyebaran data PKS serta menyediakan khidmat nasihat untuk PKS di Malaysia. SME Corp. Malaysia turut memainkan peranan sebagai Sekretariat kepada Mesyuarat Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (MPUPK) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia.